



PEMENANG...Roslan (dari kanan), Farid dan Maimon bersama pemenang Kejohanan Merentas Desa Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT) 2017.

Muhd Khaled, Dayangku Nurd Zyuhairah juara Merentas Desa SK Lubok Temiang

LABUAN: Atlet Rumah Biru, Muhd Khaled Adam Abdullah dan atlet Rumah Kuning, Dayangku Nurd Zyuhairah Awgku Abd Rahman masing-masing mengungguli kategori Lelaki dan Perempuan Bawah 12 Tahun Kejohanan Merentas Desa Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT)

2017.

Naib johan, Mohd Hadi Hazran yang juga atlet Rumah Biru manakala tempat ketiga diraih atlet Rumah Kuning, Nazril Shah Mohd Johari.

Bagi kategori Perempuan, tempat kedua dimenangi atlet Rumah Merah, Nafiesha Shafiq Nazrul,

ketiga disandang Suhaila Mohd Serip dari Rumah Hijau.

Seramai 250 peserta menyertai larian sejauh 3 kilometer dari perkarangan sekolah menuju ke Simpang 3 Kampung Lubok Temiang dan kembali semula ke sekolah tersebut.

Kejohanan merentas desa itu di-

adakan adalah untuk memilih atlet terbaik bagi mewakili SK Lubok Temiang ke Kejohanan Merentas Desa MSS Wilayah Persekutuan Labuan yang dijadual diadakan pada Sabtu ini di Padang Majal, Pancur Hitam, Kampung Pohon Batu.

Majlis pelepasan peserta disem-

puhkan oleh Penolong Kanan Pentadbiran, Roslan Mohamad yang mewakili Guru Besar, Cally Awat Moguring.

Turut hadir Penolong Kanan Kokurikulum, Maimon Abd Rahman dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Farid Marcus.
-JAINUDIN DJIMIN